MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terpelihara

Daya tahan sistem kewangan kekal utuh meskipun pasaran kewangan global dan domestik terus tidak menentu pada suku kedua. Pasaran kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur. Bersama-sama dengan mudah tunai domestik yang masih lebih daripada mencukupi serta institusi yang kukuh, aktiviti pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap untuk memenuhi keperluan kewangan dan pembiayaan ekonomi dalam negeri. Dalam jangka masa terdekat, sistem kewangan domestik dijangka kekal stabil, lantas menyediakan sokongan berterusan kepada aktiviti sektor benar dalam keadaan operasi yang mencabar. Ujian tekanan[4] yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia juga menunjukkan bahawa permodalan bank dan penanggung insurans dijangka kekal kukuh walaupun di bawah senario simulasi aliran keluar portfolio yang besar.

Dedahan risiko kredit kekal terurus, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan

Dedahan risiko kredit institusi kewangan stabil pada suku kedua, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan oleh sebahagian besar peminjam. Pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan masih rendah pada 2.2% (S1 2015: 2.4%) daripada jumlah pinjaman. Nisbah pinjaman terjejas bersih tidak berubah pada 1.2%. Dalam industri insurans, dedahan kredit, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta, meningkat sedikit kepada 4.1% (S1 2015: 3.9%) daripada jumlah modal yang tersedia.

Risiko kredit yang berkaitan dengan dedahan kepada sektor isi rumah terus dibendung dengan baik disebabkan oleh kedudukan kewangan sebahagian besar isi rumah yang terus kukuh. Pertumbuhan peminjaman isi rumah terus sederhana kepada 1.6% pada suku kedua (S1 2015: +1.9%). Ini didorong oleh pertumbuhan baki kad kredit terkumpul dan pembiayaan untuk pembelian sekuriti yang lebih perlahan. Pada asas tahunan, pertumbuhan peminjaman isi rumah juga menjadi sederhana kepada 8.3% pada suku kedua 2015 (S1 2015: +9.1%). Pertumbuhan pembiayaan untuk pembelian harta tanah kediaman kekal kukuh pada 11.9% (pada asas tahunan). Pada paras agregat, isi rumah terus mengekalkan penampan yang kukuh, iaitu aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang. Dari segi nilai, aset kewangan isi rumah tidak banyak berubah berbanding dengan suku sebelumnya apabila peningkatan instrumen deposit dan instrumen mirip deposit diimbangi oleh nilai ekuiti dan dana amanah saham yang lebih rendah, selaras dengan prestasi pasaran kewangan secara keseluruhan. Pada asas tahunan, aset kewangan isi rumah mencatat pertumbuhan sebanyak 5.2%. Kualiti pinjaman yang diberikan kepada sektor isi rumah terus tinggi. Paras pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak terus stabil dan rendah, masing-masing pada 1.1% dan 1.6% daripada jumlah peminjaman isi rumah. Piawaian pengunderaitan secara keseluruhan juga secara amnya mampan, apabila kira-kira 80% pinjaman

Sistem Perbankan: Kualiti pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Penilaian ini mengambil kira pelbagai parameter kejutan ekstrem, termasuk kerugian yang dinilai mengikut pasaran (mark-to-market losses) daripada pemegangan ekuiti, risiko kadar faedah dalam akaun perdagangan dan dedahan mata wang asing dalam kunci kira-kira dan kerugian kredit daripada perniagaan yang terjejas oleh turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran.

baharu telah diluluskan kepada peminjam dengan agregat nisbah khidmat bayaran hutang tidak melebihi 60%.

Potensi kerugian kredit daripada dedahan bank kepada sektor perniagaan kekal terurus disebabkan oleh kedudukan kewangan perniagaan yang secara keseluruhan terus kukuh. Perkembangan harga komoditi dan kadar pertukaran ringgit memberikan kesan yang terhad kepada keupayaan membayar balik hutang sebahagian besar perniagaan Malaysia. Kedudukan leveraj perniagaan Malaysia[5], seperti yang diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti, stabil pada 41.3% (S4 2014: 41.5%) pada akhir suku pertama 2015. Sebaliknya, median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) pula meningkat sedikit kepada 6.5 kali (S4 2014: 6.3 kali), manakala nisbah aset semasa kepada liabiliti semasa tidak berubah pada 1.8 kali. Kedudukan kewangan terus kukuh meskipun peminjaman lebih tinggi terutamanya hutang mata wang asing. Jumlah peminjaman sektor perniagaan meningkat 1.4% pada suku kedua (S1 2015: +3.5%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh hutang luar negeri syarikat bukan kewangan sebanyak 11.1% (S4 2014: +2.4%) pada suku pertama 2015. Peningkatan hutang luar negeri yang tinggi disebabkan oleh terbitan bon dalam denominasi mata wang asing yang besar oleh konglomerat tempatan dalam sektor minyak dan gas. Tanpa mengambil kira terbitan ini, hutang luar negeri syarikat bukan kewangan hanya meningkat 3% pada suku itu. Mengikut sektor, median ICR yang lebih tinggi adalah lebih nyata dalam industri berorientasikan dalam negeri (terutamanya pembinaan dan infrastruktur) yang meraih manfaat daripada harga bahan mentah yang lebih rendah. Sebaliknya, median ICR untuk pengeluar minyak mentah dan kelapa sawit menurun hampir separuh berikutan harga komoditi yang lebih rendah namun terus kukuh pada 4.5 kali, jauh melebihi paras ambang kehematan am sebanyak dua kali. Risiko mungkir secara keseluruhan, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, stabil pada 0.21% (S1 2015: 0.19%).

Indeks Harga Rumah Malaysia (Malaysian House Price Index, MHPI) mencatat kenaikan sederhana sebanyak 8% pada suku keempat 2014 (S3 2014: +7.9%). Data awal MHPI menunjukkan bahawa kadar pertumbuhannya makin sederhana pada suku pertama 2015. Jumlah urus niaga perumahan terus perlahan, dan mencatat pertumbuhan tahunan yang sedikit pada 1.5%, manakala jumlah urus niaga menyusut 3.3% dari segi nilai. Trend ini sebahagiannya disebabkan oleh pelancaran baharu harta tanah berharga lebih daripada RM1 juta yang berkurang. Pembelian harta tanah kediaman secara spekulasi berasaskan hutang terus dibendung dengan baik, mencakupi bahagian kecil yang stabil sebanyak 2.8% daripada individu yang mempunyai pinjaman perumahan sedia ada.

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Pada suku kedua, kedudukan aliran keluar bersih pelaburan portfolio adalah sebanyak RM11.8 bilion (S1 2015: kedudukan aliran keluar bersih sebanyak RM7.9 bilion), seiring dengan perkembangan global dan serantau. Purata turun naik bagi FBM KLCI dan kadar hasil MGS 10 tahun masing-masing menurun sedikit kepada 8.9% (S1 2015: 11.7%) dan 11.8% (S1 2015: 13%). FBM KLCI ditutup lebih rendah pada 1,706.6 mata pada suku kedua (S1 2015: 1,830.8 mata) seiring dengan pasaran ekuiti serantau lain di tengah-tengah kebimbangan tentang perkembangan di Greece dan kerana pelabur mengimbangi semula portfolio pelaburan dengan jangkaan bahawa kadar faedah AS akan mula dinaikkan. Sehubungan dengan itu, permodalan pasaran secara keseluruhan menyusut kepada RM1.66 trilion (S1 2015: RM1.74 trilion). Keluk kadar hasil bertambah curam apabila kadar hasil untuk MGS 10 tahun

[5] Berdasarkan 160 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) yang merangkum 10 sektor ekonomi utama.

meningkat sedikit kepada 4.03% (S1 2015: 3.89%), manakala kadar hasil untuk tempoh jangka pendek keluk tersebut menyusut (MGS 3 tahun menurun kepada 3.30% (S1 2015: 3.35%)) disebabkan oleh permintaan yang kukuh daripada pelabur asing terhadap tempoh jangka lebih pendek. Nisbah harga kepada pendapatan FBM KLCI secara amnya terus stabil pada 17 kali, disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh. Mudah tunai dagangan, dari segi harga dan jumlah, juga kekal kukuh. Spread bida-tawar MGS dan FBM KLCI masing-masing tidak berubah pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan. Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI lebih rendah pada 10.3% (S1 2015: 14.5%) dan 1.8% (S1 2015: 2%).

Dedahan institusi kewangan kepada risiko pasaran dibendung dengan baik

Amalan pengambilan risiko keseluruhan institusi kewangan secara amnya tidak berubah, dengan pengurusan risiko pasaran dan strategi perlindungan nilai terus dilaksanakan dengan aktif. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan masih terbatas pada 1.4% daripada jumlah modal. Dedahan kepada risiko ekuiti masih kecil pada 0.8% daripada jumlah modal (S1 2015: 1.2%). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing menyusut sedikit kepada 5.2% (S1 2015: 5.9%) daripada jumlah modal pada suku itu disebabkan pengurusan dedahan mata wang asing yang aktif oleh bank-bank berikutan pergerakan kadar pertukaran yang meningkat sejak kebelakangan ini. Dedahan risiko pasaran industri insurans juga terus stabil dan terurus pada 13.3% daripada jumlah modal. Risiko ekuiti terus merupakan sebahagian besar dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada 7.9% daripada jumlah modal.

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan bank kekal pada paras yang kukuh. Pada akhir suku kedua 2015, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.3%, 13.1% dan 15.2%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank merupakan modal berkualiti, terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Penampan modal sistem perbankan kekal melebihi RM100 bilion daripada jumlah pengawalseliaan minimum. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 239.1% (S1 2015: 245.7%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM28.5 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.5 bilion (S1 2015: RM7.0 bilion) pada suku kedua, disebabkan terutamanya oleh sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti berkaitan pembiayaan dan pendapatan dividen daripada subsidiari. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing kekal pada 1.3% (S1 2015: 1.2%) dan 12.7% (S1 2015: 12.4%).

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,593	7,804	5,336	1,907	7,243
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	804	1,628	781	682	1,463
Nisbah tuntutan (%)	57.0	57.0	50.3	57.4	57.4
	Perubahan Tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-0.7	-7.2	66.2	-58.5	-7.2
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	4.3	7.8	-5.2	-15.2	-10.1
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-3.4	-3.4	-4.7	0.4	0.4

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keuntungan operasi penanggung insurans am dan pengendali takaful berjumlah RM681.7 juta (S1 2015: RM781.1 juta) kerana keuntungan pengunderaitan yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh liabiliti tuntutan yang lebih tinggi. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menyusut kepada RM1.9 bilion (S1 2015: RM5.3 bilion) disebabkan oleh kerugian modal bersih sebanyak RM1.1 bilion (S1 2015: keuntungan modal bersih sebanyak RM2.1 bilion) berikutan kerugian penilaian yang lebih tinggi terhadap pelaburan ekuiti, seiring dengan prestasi keseluruhan FBM KLCI.

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi. Pada akhir bulan Mei 2015, penampan mudah tunai untuk tempoh matang 1 minggu dan 1 bulan masih jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 14% (S1 2015: 15.4%) dan 15.2% (S1 2015: 15.4%) daripada jumlah deposit. Bank-bank mencatat lebihan mudah tunai USD masing-masing sebanyak RM12.4 bilion (S1 2015: lebihan sebanyak RM20 bilion) dan RM 5 bilion (S1 2015: lebihan sebanyak RM2.4 bilion) dalam kelompok matang kurang daripada 1 minggu dan 1 bulan. Pada akhir bulan Jun 2015, penempatan antara bank bersih dan *reverse repo* oleh institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh dilupuskan bagi memenuhi keperluan mudah tunai, meningkat kepada paras melebihi RM120 bilion. Piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) Basel III mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2019[6]. Pada akhir bulan Jun 2015, LCR sistem perbankan adalah pada 119% apabila semua bank melaporkan paras LCR yang selesa melebihi keperluan

[6] Pada fasa pertama, pematuhan ditetapkan pada 60% dengan kenaikan secara berperingkat sebanyak 10% setiap tahun sehingga mencapai pematuhan sepenuhnya bermula tahun 2019.

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengawalseliaan minimum semasa sebanyak 60%. Nisbah pinjaman kepada deposit terus stabil pada 88% pada akhir bulan Jun 2015.

Dedahan luaran institusi kewangan terus meningkat seiring dengan operasi serantau, termasuk pengurusan mudah tunai berpusat serta aktiviti perdagangan dan pelaburan. Pada suku pertama tahun 2015, aset luaran bank-bank meningkat pada kadar lebih cepat (+11.7%) berbanding dengan liabiliti luar (+1.7%) seiring dengan perkembangan sebahagian besar ekonomi serantau. Penempatan deposit, terutamanya dengan bank-bank di Singapura, Hong Kong dan AS menyumbang kepada lebih separuh daripada pertumbuhan aset luar. Liabiliti luar bersih sistem perbankan, sebahagian besarnya dalam bentuk aktiviti berkaitan penjaga dan dana modal bank asing yang diperbadankan di dalam negeri, menyusut kepada RM110 bilion pada suku pertama tahun ini (S4 2014: RM131 bilion).